



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM, 14 Ogos
2021_12

Oleh Syaherah Mustafam
am@hmetro.com.my

Pasir Mas

Sekumpulan lelaki dipercayai penyeludup melarikan diri ke negara jiran dengan meninggalkan pelbagai burung eksotik dianggarkan bernilai RM65,000 selepas terserempak pihak berkuasa di pangkalan haram Sota, Jeram Perdah di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, dalam kejadian jam 7.30 malam, anggotanya membuat rondaan di lokasi terbabit dan terserempak sekumpulan lelaki mengangkat kotak dan bakul dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, anggota mendekati kumpulan berkenaan, namun mereka melarikan diri menggunakan perahu merentasi Sungai Golok ke Thailand.

"Pemeriksaan ke atas kotak serta bakul terbabit menemukan seekor burung kakak tua bernilai RM35,000, empat ayam laga bernilai RM20,000 dan 10 anak burung Sun Corner dengan harga RM10,000.

"Semua haiwan terbabit dirampas dan dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah bagi tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Haiwan terbabit diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bagi siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Nor Azizan berkata, burung dan ayam laga ber-

KERJA HARAM WAKTU SENJA

Penyeludup lari tinggal burung bernilai RM65,000 selepas terserempak penguat kuasa



ANAK burung Sun Corner bernilai RM10,000 dan burung kakak tua bernilai RM35,000 yang dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran sekitar Kelantan yang mempunyai peminat tersendiri.



KOTAK berisi burung eksotik yang ditinggalkan penyeludup di pangkalan haram Sota, Jeram Perdah.

kenaan dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran sekitar negeri Kelantan yang mempunyai peminat tersendiri.

"Penyeludup menjalankan aktiviti ketika waktu Maghrib kerana mengangap kawalan pihak berkuasa berkurangan pada tempoh berkenaan selain mencari pangkalan haram yang sunyi supaya kerja mereka tidak dikesan.

"Bagaimanapun, hasil kepekaan anggota bertugas aktiviti penyeludupan ditekang dan kawalan terus diperketatkan dari semasa ke semasa," katanya.